

**KAJIAN MENGENAI TEKANAN KERJA DAN *BURNOUT* DI KALANGAN
KAUNSELOR SEKOLAH MENENGAH BAHAGIAN KUCHING**



**INSTITUT PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
MALAYSIA
SHAH ALAM**

DISEDIAKAN OLEH:

**ARENAWATI SEHAT BINTI OMAR
IRDAWATY HAJI JAYA
MOHD. ZAFIAN BIN MOHD. ZAWAWI**

SEPTEMBER 2008

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
Surat Penyerahan Laporan	ii
Daftar Ahli Penyelidik	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	v-viii
Abstrak	ix
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xi
Senarai lampiran	xii
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Masalah	3
1.2 Penyataan Masalah	9
1.3 Matlamat Kajian	15
1.4 Objektif Kajian	16
1.5 Persoalan Kajian	16
1.6 Skop Kajian	17
1.7 Kepentingan Kajian	18
1.8 Definisi Konsep dan Operasional	20
1.8.1 Tekanan Kerja	20
1.8.1.1 Beban Tugas	21

Abstrak

Menjamin kualiti perkhidmatan dalam sektor pendidikan pada abad ke-21 merupakan suatu cabaran dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau. Bagi merealisasikan hasrat ini, ianya mernerlukan tenaga pendidik lelaki mahupun wanita yang berkualiti. Tahap *burnout* dan tekanan kerja akan mempengaruhi tahap produkvti dan kualiti kerja seseorang tenaga pendidik. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap *burnout* dan tekanan kerja di kalangan Kaunselor Sekolah Menengah Bahagian Kuching. Instrumen *Maslach Burnout Inventory-Educators Survey* (MBI-ES) digunakan bagi mengukur tahap *burnout*, manakala Indeks Tekanan Kerja (ITK) Guru pula digunakan untuk mengukur tahap tekanan kerja. Daripada 38 set soalselidik yang diedarkan, hanya 30 set yang dilengkapkan dan telah dikembalikan. Sampel terdiri daripada 38 orang Kaunselor Sekolah Menengah di Bahagian Kuching sahaja. Dapatkan kajian menunjukkan majoriti Kaunselor Sekolah Menengah Bahagian Kuching mempunyai tahap *burnout* yang tinggi bagi ketiga-tiga sub skala iaitudari aspek keletihan emosi, aspek depersonalisasi dan aspek pencapaian peribadi. Dari aspek tekanan kerja, dapatkan kajian menunjukkan secara keseluruhannya tahap tekanan kerja bagi kaunselor Sekolah Menengah Bahagian Kuching juga adalah tinggi. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 20 faktor yang memberi tekanan yang tinggi dan sepuluh faktor atau sebanyak 33.3%yang memberi tekanan yang rendah kepada para kaunselor. Bilangan sebanyak 20 faktor atau sebanyak 66.7% menunjukkan bahawa tahap tekanan kerja di kalangan kaunselor sekolah. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa faktor-faktor ini memberikan tekanan kerja yang tinggi kepada para kaunselor yang mana nilai min yang diperolehi adalah sama dan lebih dari 4. Ia terdiri daripada faktor berurus dengan situasi krisis , kerja lebih masa , kurang peluang membangunkan diri ,pengagihan tugas baru atau tidak biasa dilakukan , kurang sokongan daripada pihak pengurusan atasan, kurang penghargaan setelah menyempurnakan tugas dengan baik , melaksanakan tugas yang bukan dalam deskripsi tugas , kekekurangan atau kelemahan peralatan berkualiti, pengagihan tugas yang semakin berat tanggungjawab, kekurangan kakitangan untuk melaksanakan tugas , membuat keputusan kritikal secara spontan , kejian atau ejekan peribadi terhadap pelajar, rakan sebaya, dan organisasi luar (ibu bapa, penghulu dan lain-lain), persaingan pembangunan diri, perubahan yang kerap daripada aktiviti yang membosankan kepada aktiviti yang lebih mencabar, memenuhi tarikh akhir sesuatu tugas, kurang masa peribadi (contohnya minum pagi atau makan tengahari) , membuat kerja orang lain dan kakitangan yang tidak bermotivasi. Antara pendekatan yang telah dicadangkan bagi mengurangkan fenomena tersebut adalah seperti memperbaiki persekitaran am, memperbaik kandungan kerja, runding cara, kemahiran pengurusan masa, kemahiran-kemahiran menyelesaikan masalah, penglibatan diri dalam hal-hal keagamaan, kemahiran relaksasi serta bersikap positif dalam suasana yang negatif.

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Falsafah Pendidikan semakin hari semakin bermutu dengan perangkuman pelbagai kriteria dan tuntutan yang perlu diterapkan dalam objektif pendidikan. Perubahan semasa di kalangan arus modenisasi dan globalisasi menjadikan keperluan bidang pendidikan perlu dipertingkat dan dipertambahkan cakupannya kepada pengayaan multi bidang.

Profesional perguruan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial yang sungguh mencabar. Tenaga pengajar dan pengurus pendidikan seharusnya peka dengan perkembangan terkini dalam proses kepimpinan, pengurusan, pengelolaan sumber, dan pencapaian matlamat pendidikan (Ibrahim Ahmad Bajunid, 1995). Justeru itu, dengan perlaksanaan berbagai-bagai reformasi dalam pendidikan sudah pasti menjadikan peranan dan tanggungjawab guru-guru lebih mencabar.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan tentang kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan tekanan kerja serta fenomena *burnout*. Selain daripada itu, teori-teori ataupun model yang berkaitan juga dibincangkan sebagai panduan pengkaji.

2.1 Definisi *burnout*

Istilah "burnout" mula-mula diperkenalkan oleh Freudenberger (1974) yang menggambarkannya sebagai perasaan kegagalan dan kelesuan akibat tuntutan yang terlalu membebankan ke atas tenaga, sumber-sumber atau ketabahan seseorang. Dalam erti kata yang lain, burnout boleh juga didefinisikan sebagai pilihan terakhir (akibat) apabila satu siri percubaan untuk menangani tekanan negatif gagal mencapai matlamatnya (Farber, 1984). Maslach & Jackson (1981a,1981b) telah memperkembangkan konsep burnout dengan menerangkan bahawa sebenarnya